

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Perdagangan kita terus berkembang



PERDAGANGAN catat pertumbuhan dua digit tahun ke tahun bagi 22 bulan berturut-turut.

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Perdagangan Malaysia terus berkembang apabila berjaya merekodkan pertumbuhan sebanyak 15.6 peratus tahun ke tahun kepada RM238.17 bilion pada November 2022.

Ia dengan eksport berjumlah RM130.24 bilion dicapai manakala import, RM107.93 bilion.

Pencapaian itu adalah pertumbuhan dua digit tahun ke tahun bagi 22 bulan berturut-turut.

PERDAGANGAN KITA TERUS BERKEMBANG

Catat pertumbuhan 15.6% kepada RM238.17b

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) melalui kenyataan berkata, eksport naik 15.6 peratus kepada

RM130.24 bilion, manakala import dan lebihan dagangan meningkat 15.6 peratus masing-masing kepada RM107.93 bilion dan RM22.3

bilion.

"Pertumbuhan eksport disumbangkan terutamanya oleh eksport kukuh barang elektrik dan ele-

tronik (E&E), gas asli cecair (LNG), keluaran petroleum serta petroleum mentah.

"Selain itu, eksport ke rakan dagang utama khasnya ASEAN, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun juga merekodkan pertumbuhan dua digit," katanya.

Berbanding Oktober 2022, lebihan dagangan meningkat 23.5 peratus, manakala perdagangan, eksport dan import masing-masing berkurangan

sebanyak 2.8 peratus, satu peratus dan 4.9 peratus.

Menurut Miti, bagi tempoh Januari hingga November 2022, ia menyaksikan perdagangan negara berkembang sebanyak 29.9 peratus kepada RM2.613 trilion berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Eksport turut meningkat 27.2 peratus kepada RM1.42 trilion dan import naik 33.3 peratus kepada RM1.193 trilion, manakala lebihan dagangan menokok 2.6 peratus kepada RM227.89 bilion."

“
Barangan elektrik dan elektronik, gas asli cecair antara kukuhkan eksport negara
Miti